



## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**OLEH:**

**YANG BERUSAHA PUAN HJH. ROHANI BINTI  
MD. HASHIM  
TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(PERANCANGAN)  
PLANMalaysia  
(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN  
DESA)**

**SEMPENA**

**SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR  
SEDUNIA (HPBS) 2019  
PERINGKAT NEGERI KEDAH**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2019 (AHAD)**

**MASA: 8.00 PAGI**

**TEMPAT : DATARAN PAHLAWAN, ALOR SETAR  
(TUGU PERINGATAN TAMAN JUBLI PERAK)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan selamat sejahtera.

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Kedah,  
Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood  
Naim

Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah,  
Dato' Hj. Ishak Bin Murat

Yang Berbahagia Setiausaha Bahagian Kerajaan  
Tempatan,  
Tuan Haji Aziz Bin Hassan

Yang Berusaha Pengarah PLANMalaysia@Kedah  
selaku penganjur Sambutan HPBS 2019 Peringkat  
Negeri Kedah,

Puan Hajah Asni binti Mustafa

Yang Berbahagia Pegawai-Pegawai Daerah,

Yang DiPertua-Yang DiPertua dan Setiausaha-  
Setiausaha

Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis  
Daerah,

Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan  
Kerajaan Negeri,

Ketua Bahagian-Ketua Bahagian SUK Negeri  
Kedah,

Seterusnya Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan  
Puan-puan sekalian yang terdiri daripada para  
jemputan dan peserta sambutan HPBS 2019  
Peringkat Negeri Kedah.

1. Syukur ke hadrat Ilahi, dengan limpah rahmat dan izinNya, kita dapat bertemu dan berkumpul pada majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2019 (HPBS 2019) Peringkat Negeri Kedah pada pagi ini.

## **LATAR BELAKANG HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS)**

2. Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia atau dikenali sebagai HPBS ialah sambutan istimewa untuk juru rancang bandar bagi memperingati peranan dan sumbangan mereka dalam melaksanakan pembangunan mampan. Sambutan HPBS ini diadakan pada 8 November setiap tahun dan ianya mula diperkenalkan sejak 56 tahun yang lalu. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia atau kini dikenali sebagai PLANMalaysia menjadikannya acara tahunan semenjak tahun 1988.

## **JUSTIFIKASI TEMA SAMBUTAN HPBS 2019**

3. Tema HPBS yang dipilih pada tahun ini adalah “*Green & Community; Together is Better*”. Pemilihan tema ini adalah selaras dengan objektif Rancangan Pemajuan Nasional (RPN) dan Garis Panduan Perancangan (GPP) yang disediakan oleh pihak PLANMalaysia.
  
4. Ini termasuk **Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat** yang mengintegrasikan nilai kerohanian dalam perancangan dengan mengambil kira hubungan antara manusia, pencipta dan alam sekitar yang menjadi asas sesuatu masyarakat. Dalam konteks ini, komuniti adalah manusia dan *green* adalah alam sekitar.
  
5. *Green* atau Hijau yang dimaksudkan adalah perkaitan dengan **Teras 2** dalam **Rancangan**

**Fizikal Negara Ke-3 (RFN-3)**, iaitu **Kemampuan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim** dimana sasaran Malaysia untuk mencapai Negara Rendah Karbon dengan pengurangan sebanyak 50 peratus pelepasan gas karbon dioksida pada tahun 2040.

6. Selain daripada itu, dalam **Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)** juga menyentuh berkenaan inisiatif Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih bagi mewujudkan kejiranan hijau yang fokus kepada gaya hidup rendah karbon.
7. *Community* pula menggambarkan kumpulan masyarakat yang berperanan membantu dalam usaha-usaha menggiat dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang berkaitan, dengan berkolaboratif bersama Pihak

Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) atau agensi-agensi kerajaan dalam membantu pembentukan komuniti inklusif dan berdaya huni.

8. Di dalam **Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030** juga ada menggariskan pemerksaan peranan komuniti dalam menjaga alam sekitar desa dengan galakan amalan hijau di kalangan komuniti desa iaitu menggalakkan inisiatif kebun kejiranan (kebun komuniti).
9. Penggembelingan tenaga dan usahasama adalah perlu dalam mewujudkan kualiti persekitaran setempat yang aktif, bersih dan selamat serta memastikan kepentingan budaya dan warisan terus diperkukuhkan. Ia tidak boleh dilaksanakan secara 'silo', bahkan ia perlu dilaksanakan secara bersatu padu di

antara komuniti (penduduk), agensi (PBPT dan Jabatan Kerajaan) serta pihak swasta. Inisiatif mempergiatkan keterlibatan komuniti dan kolaboratif pelbagai pihak perlu diteruskan bagi membentuk komuniti yang inklusif dan berdaya huni.

**Yang Berhormat, Dato'-dato', hadirin dan hadirat sekalian,**

### **SAMBUTAN HPBS 2019**

10. Majlis Sambutan Utama HPBS 2019 iaitu bagi peringkat kebangsaan kali ini akan diadakan di **Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Selangor pada 10 November 2019 (Ahad)**. PLANMalaysia juga telah mengatur perancangan sambutan HPBS di setiap negeri bermula di Negeri Perlis pada 24 September 2019 (Selasa) yang lalu dan pada hari ini di Negeri Kedah seterusnya disusuli dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia



sehinggalah ke sambutan utama di Shah Alam.

11. Bagi sambutan HPBS 2019 Peringkat Negeri Kedah, banyak acara telah diadakan sebagai pengisian sambutan serta memeriahkan majlis pelancarannya. Salah satu program yang melibatkan komuniti secara langsung adalah **Anugerah Komuniti Lestari** dimana tawaran pencalonan dibuka seawal Julai 2019 yang lalu kepada semua PBPT di negeri Kedah.
  
12. Sehingga ke tarikh pencalonan ditutup, urusetia [PLANMalaysia@Kedah](mailto:PLANMalaysia@Kedah) telah menerima tujuh (7) pencalonan bagi kategori **Inisiatif Komuniti Lestari Ekonomi** dan empat (4) pencalonan bagi kategori **Inisiatif Komuniti Lestari Sosial**. Syabas dan tahniah kepada PBPT yang mencalonkan dan komuniti yang berjaya dicalonkan, serta tahniah juga

diucapkan kepada komuniti yang memenangi anugerah berkenaan. Saya berharap, anugerah ini dapat diteruskan sebagai insentif penglibatan komuniti pada masa akan datang.

13. Selain itu, program *Green Restoration* atau Restorasi Hijau juga mendapat sambutan daripada PBPT-PBPT negeri Kedah. Program ini merupakan program penanaman pokok dalam usaha mengurangkan kadar pelepasan gas karbon dioksida di Malaysia. PLANMalaysia telah mensasarkan sebanyak **3,000 batang pokok** akan ditanam sempena sambutan HPBS 2019 dan negeri Kedah telah memberikan komitmen untuk menanam sebanyak **330 batang pokok**. Namun, saya dimaklumkan bahawa komitmen PBPT-PBPT negeri Kedah akan menanam lebih banyak daripada yang disasarkan. Tahniah dan syabas.

14. Selain itu, program pameran oleh agensi kerajaan, *CommunityTALK* oleh pengurusan tertinggi negeri, Zumba Komuniti oleh komuniti tempatan serta Pertandingan *Beyblade* untuk komuniti kanak-kanak sekitar Alor Setar juga diadakan pada hari ini bagi memeriahkan lagi sambutan.

## **PENUTUP**

**Yang Berhormat, Dato-dato, hadirin dan hadirat sekalian,**

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia@Kedah yang merupakan urusetia penganjuran sambutan HPBS 2019 peringkat negeri Kedah. Tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan Negeri Kedah atas kerjasama yang diberikan, agensi-agensinya kerajaan negeri yang bertungkus lumus

menjayakan sambutan ini, PBPT-PBPT negeri Kedah yang memberi komitmen tinggi, komuniti-komuniti, pihak swasta dan peserta-peserta yang hadir pada hari ini.

Sekian, saya sudahi dengan wabillahitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.